

## UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGENAI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR DI DEWAN RAKYAT PADA 6HB FEBRUARI, 1961

Tuan Yang Dipertua, saya mencadangkan perbelanjaan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu Kepala 126 hingga 129, yang berjumlah \$34,533,520 diambil dengan sekali gus dan diluluskan oleh Dewan ini.

Sebagaimana ahli-ahli Dewan ini boleh dapat tahu, peruntukan yang besar daripada jumlah itu, ialah \$25 juta untuk pinjaman kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk belanja memajukan rancangan-rancangan pembukaan tanah di bawah pentadbiran masing-masing.

Selain daripada mengadakan kemudahan-kemudahan dan kesenangan kepada rakyat yang duduk di luar bandar seperti jalan-jalan raya, jambatan-jambatan, bekalan air, api elektrik, pusat-pusat kesihatan, balai raya dan lain-lain lagi, maka kerja-kerja yang besar dan mustahak yang ditugaskan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar ialah supaya menyediakan dan melaksanakan rancangan-rancangan pembukaan tanah beramai-ramai di bawah Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan, dan Rancangan Tempat Kediaman Beramai-ramai (Group Settlement Areas) yang termasuk juga membuka kawasan-kawasan pinggir (Fringe Settlement Schemes) yang dianjurkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Adalah dimaksudkan bahawa rancangan-rancangan ini dapat dilaksanakan dengan selari untuk memberi tanah kepada rakyat-rakyat yang tidak ada tanah langsung atau menambah tanah yang sedia ada tetapi tidak mencukupi bagi kehidupan mereka. Oleh kerana itu perbelanjaan yang diuntukkan di bawah Kepala 126, Kepala-kecil 1 berjumlah \$17,000,000 pada tahun ini ialah perbelanjaan yang terbesar sekali yang diberi kepada Lembaga Kemajuan Tanah untuk menjalankan tiga belas rancangan yang sedia ada berjumlah 45,500 ekar dan membuka sepuluh lagi rancangan pada tahun ini yang berjumlah lebih kurang 50,000. Dengan adanya dua puluh

tiga rancangan-rancangan itu make **dapatlah dimasukkan lebih daripada 8,000 kelamin** bagi orang-orang yang tidak ada tanah.

Berikutan dengan keputusan yang telah diambil dalam Majlis Mesyuarat Tanah Negara, selain daripada rancangan-rancangan di bawah Tempat Kediaman Beramai-ramai (Group Settlement Areas) dan rancangan-rancangan yang kecil-kecil yang dianjurkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, maka adalah **menjadi tanggung-jawab Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan** membuka rancangan-rancangan yang besar di beberapa buah Negeri kecuali di Kelantan dan Trengganu yang tidak bersetuju **menerima** dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Tanah Negara. Oleh yang demikian maka tidaklah dapat Lembaga Kemajuan Tanah hendak menjalankan tugas-tugas yang diberi kepadanya di dalam dua buah Negeri itu. Keadaan ini sangat merugikan rakyat-rakyat yang miskin dan lapar dahaga kepada tanah di dua-dua buah Negeri itu. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan ingatan tulus ikhlas hendak menolong mereka itu tetapi apa boleh buat pihak yang berkuasa di dua-dua buah Negeri itu tiada membenarkan, dengan alasan jika **tanah-tanah** dibuka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan orang-orang China dan India akan mendapat tanah-tanah itu. Alasan ini ialah dakyah politik yang palsu semata-mata, kerana di Chalok dalam Trengganu dan Ayer Lanas dalam Kelantan yang dibuka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan seorang China atau India pun tiada mendapat tanah. Kasihan rakyat-rakyat Kelantan dan Trengganu; harapkan pagar, pagar memakan padi.

Kerajaan Persekutuan mensifatkan tanah sebagai asas bagi kemajuan. Soalan tanah ialah soalan pokok yang terpenting sekali di dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar dan jika suatu negeri tiada menerima Dasar Kemajuan Tanah Kerajaan Persekutuan maka bermaknalah negeri itu telah **menolakkan** dengan sendirinya Dasar Pembangunan Luar Bandar Kerajaan Persekutuan yang terpenting sekali.

Saya hairan mengapa pihak PAS selalu mengatakan rancangan tanah Kerajaan Persekutuan jika dijalankan di Kelantan dan Trengganu akan merugikan rakyat. Bagi menyelesaikan perselisihan faham ini, demi keuntungan rakyat Kelantan dan Trengganu yang miskin dan melarat, saya suka menjelaskan bahawa undang-undang tanah di Kelantan khasnya tiada membenarkan orang-orang yang bukan Rakyat Sultan Kelantan memiliki tanah

melainkan dengan persetujuan khas Duli Yang Maha Mulia Sultan. PAS memang boleh menggunakan kuatkuasa undang-undang ini untuk memberi tanah kepada orang-orang Kelantan sahaja. Oleh itu soalan Kerajaan Persekutuan hendak memasukkan orang-orang luar ke rancangan-rancangan tanah yang dibuka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tiada berbangkit sama-sekali.

Selain daripada ini orang-orang yang mendapat tanah di bawah rancangan-rancangan ini boleh mendapat berbagai-bagai bantuan dan pertolongan. Di bawah rancangan-rancangan Tempat Kediaman Beramai-ramai juga peserta-peserta Rancangan-rancangan itu diberi wang pinjaman untuk belanja tebang-menebang dan membersihkan kawasan-kawasan serta belanja ukur, dan wang percuma untuk harga benih dan baja. Bantuan-bantuan dan pertolongan-pertolongan ini telah menyebabkan wakil daripada Damansara menuduh Kerajaan Persekutuan memanja-manjakan (spoon feeding) rakyat. Orang-orang yang tak suka rakyat yang miskin dan melarat hidup di dalam keadaan aman, damai dan makmur dengan erti kata yang sebenar-benarnya memang menentang cara-cara yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang mendukacitakan saya ialah PAS yang mengagung-agungkan hendak membela nasib rakyat di kawasan Luar Bandar telah memasukkan diri mereka ke dalam golongan ini. Kasihan rakyat Kelantan dan Trengganu.

Kerajaan Persekutuan yakin kalau pertolongan-pertolongan dan bantuan-bantuan tiada diberi, rancangan-rancangan tanah untuk orang-orang yang miskin tiada boleh berjaya. Di Kelantan baru-baru ini Kerajaan PAS cuba membuka tanah di satu kawasan bernama Batu Mengkebang. Peserta-peserta rancangan itu tiada diberi satu sen bantuan pun, jalan ke tanah hutan yang hendak dibuka tiada dibuat, hutan tiada ditebang, tebas terlebih dahulu oleh Kerajaan, rumah-rumah tiada disediakan, pendeknya satu pertolongan pun tiada diberi. Mereka hanya ditunjukkan hutan belantara dan diserahkan kepada mereka untuk mengerjakan. Akhirnya apa telah jadi? Peserta-peserta yang miskin dan melarat itu telah lari balik. Apa yang saya sebutkan bukanlah dakyah politik, dan untuk faedah ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta izin Datuk Yang Dipertua membaca satu surat Pemberitahu Kerajaan Kelantan. Ini membuktikan bahawa cara yang diusahakan oleh PASlah yang merugikan rakyat. Sebenarnya dasar tanah Kerajaan Persekutuan ialah dasar yang terbaik sekali, dan Kerajaan PAS

menolakkan dasar ini bukan kerana takut merugikan rakyat tetapi sebenarnya kerana takut merugikan PAS. Sayang seribu kali sayang, demi kepentingan parti semata-mata, PAS sanggup mengkhianatkan rakyat.

Tujuan Kerajaan Persekutuan sebenar-benarnya ialah hendak memperbaiki keadaan hidup penduduk-penduduk di kampung-kampung supaya mendapat tanah dengan seberapa segera dan lebih-lebih lagi membuka kawasan-kawasan dengan secara teratur dan jagaan yang sempurna. Memandang kepada faktor-faktor ini, yang tidak dapat dinafikan, maka mustahaklah bantuan wang, diuntukkan bagi menjayakan kerja-kerja ini.

Begitu juga di bawah Kepala 15, di mana perbelanjaan berjumlah \$6,698,114 telah dimasukkan untuk pinjaman, dan \$1,245,032 untuk pemberian percuma kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan rancangan-rancangan yang tertentu di bawah Rancangan Tempat Kediaman Beramai-ramai.

Wang pinjaman yang diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ialah untuk belanja menebang dan membersihkan kawasan-kawasan yang dibuka serta belanja ukur yang mesti dibayar balik kepada Kerajaan Persekutuan dengan jalan beransur-ansur dalam masa lima belas tahun. Pemberian percuma ialah untuk belanja benih dan baja.

Peruntukan di bawah Kepala 15 ialah anggaran perbelanjaan bagi membuka dua puluh tujuh Kawasan-kawasan Tempat Kediaman Beramai-ramai berjumlah 36,492 ekar, dan empat puluh lapan kawasan-kawasan pinggir yang berjumlah lebih kurang 25,488 ekar yang akan dibuka oleh Kerajaan-kerajaan Negeri pada tahun ini. Selain daripada jumlah ini lima puluh empat lagi kawasan-kawasan pinggir berjumlah 28,633 ekar yang tidak berkehendakkan bantuan akan dibuka juga di Negeri Perak dan Johor.

Lagi satu perbelanjaan yang besar di bawah Kepala 126 ialah rancangan-rancangan Lembaga Kemajuan dan Perusahaan (RIDA) sebagaimana ditunjukkan di bawah Kepala-kecil 8 dan 11 yang berjumlah \$4,120,000. \$2,400,000 ialah untuk menambahkan kumpulan wang bagi memberi pinjaman kepada orang-orang yang hendak memajukan berbagai-bagai perusahaan yang berkehendakkan bantuan daripada RIDA.

\$1,720,000 yang ditunjukkan di bawah Kepala-kecil 8 (ii) ialah untuk perbelanjaan kerana melancarkan perusahaan-perusahaan di luar bandar yang boleh memberi faedah kepada rakyat seperti mendirikan tempat membuat getah keping, salai kelapa dan lain-lain perusahaan seperti membuat kicap, genting, bertenun kain, tali sabut dan sebagainya.

Tapak-tapak kerana mendirikan kilang-kilang ini telah pun didapati dan perbelanjaan yang diuntukkan termasuklah harga membeli tanah bagi tapak-tapak itu.

Kepala-kecil 11 (ii) yang berjumlah \$280,000 ialah untuk membesarkan bangunan Dewan Latihan RIDA di Petaling Jaya dan mendirikan sebuah asrama untuk 120 orang penuntut-penuntut lelaki dan lima puluh orang penuntut-penuntut perempuan.

Adalah dicadangkan juga bahawa apabila telah dibesarkan Dewan Latihan RIDA di Petaling Jaya itu maka dapatlah diadakan kursus bagi Pegawai-pegawai RIDA.

Kepala-kecil 6, \$25,000, di bawah Kepala 127 Pejabat Kaji Bumi ialah perbelanjaan pertama untuk mendirikan sebuah pejabat di Kota Bharu dengan alatannya sekali. Bangunan yang ada sekarang ini sangat kecil dan tidak sesuai lagi untuk pejabat ini.

Perbelanjaan \$46,000 di bawah Kepala-kecil 7 dan 8 ialah untuk membeli alatan-alatan bagi menjalankan kerja-kerja yang dibuat oleh Pejabat ini. Barang-barang itu akan mempercepatkan lagi penyelidikan kawasan yang mengandungi logam-logam.

Perbelanjaan di bawah Kepala 128 berjumlah \$20,500 ialah belanja permulaan untuk membesarkan bangunan bagi cawangan Jabatan Galian yang ada di Ipoh. Kerja yang dibuat oleh cawangan ini ialah menjalankan penyelidikan berkenaan dengan bijih timah dan lain-lain logam. Wang ini ialah kerana menyiapkan plan bangunan itu sahaja, oleh sebab difikirkan kerja mendirikan bangunan itu tidak dapat dijalankan dalam tahun ini.

Perbelanjaan di bawah Kepala-kecil 13 Kepala 129 Pejabat Ukur ialah untuk membeli alatan-alatan pejabat dan perkakas-perkakas kerana membuat peta-peta. Alatan-alatan yang dicadangkan itu ialah amat berguna untuk melaksanakan kerja yang berkaitan dengan rancangan pembukaan tanah.

Kepala-kecil 14 berjumlah \$128,000 ialah untuk mendirikan rumah bagi buruh-buruh yang bekerja di Pejabat Ukur. Pejabat ini ada lebih kurang 1,500 buruh-buruh gaji hari yang patut mendapat rumah tinggal untuk mereka. Perbelanjaan ini ialah bagi permulaan dan dengan wang ini dapat didirikan tiga puluh dua yunit bagi tahun 1961. Pada akhirnya saya hendak menegaskan bahawa segala Rancangan-rancangan Pembangunan Luar Bandar akan dijalankan di semua negeri-negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu yang menerima dasar Kerajaan Perikatan dengan tiada pilih kasih sedikit pun. Tuduhan bahawa Rancangan Pembangunan Luar Bandar diutamakan di Pahang ialah tuduhan yang jahat, tiada bertanggungjawab dan tak berasas sama sekali. Rancangan-rancangan bagi tahun 1961 disusun mengikut keutamaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri masing-masing. Bagi menjalankan rancangan-rancangan ini wang tiada menjadi soalan. Mana-mana negeri yang menjalankan kerja-kerjanya dengan cepat dan cergas akan mendapat keutamaan. Kerajaan Persekutuan hanya mahukan kejayaan dan kejayaan dengan secepat mungkin. Saya harap dengan penjelasan ini ahli-ahli Yang Berhormat manakala pulang ke negeri masing-masing akan memberi segala pertolongan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah ditugaskan menjalankan rancangan-rancangan ini supaya banyak lagi wang dapat diberi kepada negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.